

**MAT KILAU 1866 -1970 : ANTARA MATI DAN
HIDUP SEORANG PEJUANG**



NUR SYADZWANA BINTI DZULKAFTAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**MAT KILAU 1866 -1970 : ANTARA MATI DAN
HIDUP SEORANG PEJUANG**

NUR SYADZWANA BINTI DZULKAFTAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH SARJANA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Tesis Ijazah Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

30 Julai 2022



Nur Syadzwana Binti Dzulkaftah

BA19110623



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


PENGESAHAN

NAMA : **NUR SYADZWANA BINTI DZULKAFTAH**
NO.MATRIKS : **BA19110623**
TAJUK : **MAT KILAU 1866 -1970 : ANTARA MATI DAN
HIDUP SEORANG PEJUANG**
IJAZAH : **SARJANA MUDA**
BIDANG : **SEJARAH**

DISAHKAN OLEH;

1. PENYELIA UTAMA

Prof. Dr. Baszlee Bee Bin Basrah Bee



TANDATANGAN

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Suzana', written over a horizontal line.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

"Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang"

Alhamdulillah syukur kepada Allah s.w.t. Limpah rahmat, kasih sayang dan dengan kurnia Allah s.w.t., maka kajian dan penulisan tesis ini dapat dilengkapkan. Tiada daya upaya melainkan dengan pertolongan-Nya. Usaha ini tidak mungkin berhasil tanpa bimbingan, dorongan, sokongan dan doa daripada pelbagai pihak.

Sekalung penghargaan dan terima kasih yang sangat terhingga saya ucapkan buat Dr. Baszlee Bee Bin Basrah Bee selaku pensyarah penyelia yang banyak memberikan bantuan sepanjang pelaksanaan tesis ini. Tidak ketinggalan juga kepada pensyarah program Sejarah kerana banyak memberikan tunjuk ajar sepanjang melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda ini. Tidak dilupakan ucapan terima kasih terhadap insan tersayang, ibu iaitu Azmah @ Temah Binti Elah dan Almarhum ayah Dzulkaftah Bin Jun kerana banyak memberikan dorongan, kasih sayang dan doa dalam mengharungi dan menguatkan diri sepanjang menyiapkan latihan ilmiah ini. Juga tidak dilupakan sekalung penghargaan buat insan yang teristimewa dalam hidup ini iaitu Mohammad Farhan Bin Roslin kerana banyak memberikan semangat dan dorongan selama menyiapkan latihan ilmiah ini.

Tidak lupa juga buat adik beradik dan seluruh keluarga saya yang selalu menjadi pembakar semangat untuk saya menyiapkan latihan ilmiah ini. Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih juga ditujukan buat rakan-rakan seperjuangan program sejarah HA24 dan rakan-rakan bidang lain yang mengenali diri ini kerana banyak memberikan kekuatan, perkongsian ilmu dan semangat sepanjang menyiapkan latihan ilmiah ini. Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Hanya ALLAH S.W.T sahaja yang mampu membalas semuanya.

Sekian terima kasih.

Nur Syadzwana Binti Dzulkaftah

30 Julai 2022

ABSTRAK

Kajian berbentuk ilmiah ini adalah berkaitan dengan tokoh pahlawan negara dengan tajuk Mat Kilau 1866 -1970 : Antara Mati Dan Hidup Seorang Pejuang. Negeri Pahang telah menyaksikan bagaimana sistem residen yang dilaksanakan oleh pihak British telah menyebabkan lahirnya rasa tidak puas hati rakyat khususnya golongan pembesar kerana pelaksanaan banyak perintah dan undang-undang baharu yang menindas rakyat. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan memfokuskan kepada pengkajian terhadap latar belakang Mat Kilau yang meliputi keseluruhan aspek keperibadian, ilmu , keluarga dan sebagainya. Pada masa yang sama kajian ini turut memfokuskan kepada bentuk-bentuk perjuangan Mat Kilau semasa bertindak memberontak pihak British bersama-sama tokoh pejuang negeri Pahang yang lain. Seterusnya kajian ini akan merungkaikan misteri mengenai kematian dan kemunculan Mat Kilau yang dikatakan telah mati pada tahun 1895 dan dikatakan masih hidup pada tahun 1969 selepas membuat pengumuman secara umum di Masjid Pulau Tawar tentang identiti beliau sehingga menggemparkan seluruh negara.

Kata Kunci : Mat Kilau, Nasionalisme, Pahlawan Pahang, British di Pahang, Pemberontakan Pahang



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

| | |
|---|-------------|
| PENGAKUAN | i |
| PENGESAHAN | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| ABSTRAK | iv |
| SENARAI KANDUNGAN | v |
| SENARAI FOTO | vii |
| SENARAI LAMPIRAN | viii |
| BAB 1 : PENGENALAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.3 Objektif Kajian..... | 3 |
| 1.4 Kepentingan Kajian | 4 |
| 1.5 Sorotan Literatur..... | 5 |
| 1.5.1 Sejarah Penentangan British Di Tanah Melayu | 5 |
| 1.5.2 Biografi Dan Latar Belakang Mat Kilau..... | 7 |
| 1.5.3 Perjuangan Mat Kilau | 8 |
| 1.5.4 Isu Kemunculan Semula Mat Kilau Sehingga Beliau Meninggal Dunia | 10 |
| 1.6 Kaedah Kajian | 11 |
| 1.7 Skop Kajian | 11 |
| 1.9 Kesimpulan | 12 |
| BAB 2 : LATAR BELAKANG MAT KILAU | 13 |
| 2.1 Pengenalan | 13 |
| 2.2 Asal-Usul Mat Kilau | 13 |
| 2.3 Zaman Kanak-Kanak Mat Kilau | 18 |
| 2.4 Hobi Mat Kilau | 21 |
| 2.5 Sifat Dan Keperibadian | 25 |
| 2.6 Sejarah Perkahwinan Mat Kilau | 26 |
| 2.7 Ilmu Kesaktian Mat Kilau | 26 |
| 2.7 Rumusan..... | 30 |
| BAB 3 : PERJUANGAN MAT KILAU | 31 |
| 3.1 Pengenalan | 31 |
| 3.2 British Menjajah Pahang / Campur Tangan British Di Pahang | 32 |
| 3.3 Perjuangan Awal Mat Kilau | 37 |

| | | |
|---|--|-----------|
| 3.4 | Perjuangan Menentang British Di Pahang..... | 40 |
| 3.5 | Perjuangan Mat Kilau Di Negeri Kelantan Dan Terengganu | 46 |
| 3.6 | Rumusan..... | 50 |
| BAB 4 : ISU KEMATIAN DAN KEMUNCULAN SEMULA MAT KILAU | | 51 |
| 4.1 | Pengenalan | 51 |
| 4.2 | Kematian Dan Kemunculan Semula Pertama | 52 |
| 4.3 | Kemunculan Semula dan Kematian Sebenar Mat Kilau..... | 56 |
| 4.4 | Rumusan..... | 65 |
| BAB 5 : KESIMPULAN..... | | 67 |
| SENARAI RUJUKAN | | 71 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

| | Halaman |
|--|---------|
| Foto 2.1 : Wajah Mat Kilau | 14 |
| Foto 2.2 : Lokasi Jerantut Dan Pulau Tawar | 15 |
| Foto 2.3 : Carta Alir Keluarga Mat Kilau | 17 |
| Foto 2.4 : Dikir Rebana | 20 |
| Foto 2.5 : Gasing | 22 |
| Foto 2.6 : Hencang Buah Keras | 24 |
| Foto 2.7 : Keratan akhbar Al-Islah mengenai Mat Kilau dan Kitab Mat Kilau | 28 |
| Foto 3.1 : Sir Hugh Clifford | 34 |
| Foto 3.2 : Negeri Pahang Darul Makmur | 35 |
| Foto 3.3 : Sultan Pahang & Atendan Peribadi Baginda, Malaya,1987. | 36 |
| Foto 3.4 : Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) 2017 | 39 |
| Foto 3.5 : Datuk Bahaman | 41 |
| Foto 3.6 : Pemuras | 43 |
| Foto 3.7 : Abdul Rahman Limbong (1868-1929): Pendakwah Kepada Pejuang | 49 |
| Foto 4.1 : Laporan berita tentang kematian Mat Kilau pada 21 Oktober 1895. | 55 |
| Foto 4.2 : Mat Kilau pada tahun 1969. | 58 |
| Foto 4.3 : Laporan berita tentang perkenan Sultan pada tahun 1970. | 62 |
| Foto 4.4 : Keratan Akhbar Kerajaan Pahang Akui Mat Kilau | 63 |
| Foto 4.5 : Mat Kilau Masih Hidup | 64 |
| Foto 5.1 : Poster Filem Mat Kilau Kebangkitan Pahlawan | 70 |

SENARAI LAMPIRAN

| | Halaman |
|--|---------|
| Lampiran A : Laporan Turnitin | 77 |
| Lampiran B : Galeri Mat Kilau di SK Padang Garuda | 78 |
| Lampiran C : Sekolah Kebangsaan Mat Kilau | 79 |
| Lampiran D : Lawatan ke Galeri Mat Kilau | 80 |
| Lampiran E : Pintu Masuk Galeri Mat Kilau | 81 |
| Lampiran F : Galeri Mat Kilau | 82 |
| Lampiran G : Makam Mat Kilau | 83 |
| Lampiran H : Laluan Mat Kilau jadi produk pelancongan Terengganu | 8 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pengenalan

Tanah Melayu merupakan tanah yang terkenal dengan pelbagai bentuk kekayaan khususnya kekayaan bahan mentah. Lebih-lebih lagi dengan kedudukan yang strategik di laluan perdagangan utama telah menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah Kawasan utama penting untung pelayaran dan ekonomi. Hal ini boleh dilihat apabila Melaka telah mencapai zaman kegemilangannya¹ ketika wujudnya pelabuhan *intreport* di situ pada waktu itu. Ramai pedagang telah datang untuk berdagang ke pelabuhan Melaka termasuklah pedagang daripada India, China, Timur Tengah dan sebagainya. Hal ini telah menunjukkan bahawa kebolehan Tanah Melayu sebagai satu tanah yang berbaloi untuk dijajah oleh penjajah khususnya penjajah barat yang pada ketika itu sedang meluaskan empayar mereka ekoran daripada berlakunya imperialisme dan merkantilisme. Di samping keteguhan penjajah barat terhadap istilah 3G, iaitu *Gold* (Kekayaan), *Glory* (kejayaan), dan juga *Gospel* (Agama)² yang akan menunjukkan bahawa sesebuah negara itu hebat dan kuat.

Kedatangan para penjajah asing ke Tanah Melayu bukanlah satu perkara asing yang kita dengari. Kedatangan mereka untuk menjajah dan mengaut keuntungan ekonomi, menguasai politik dan menyebarkan ajaran agama Kristian di Tanah Melayu sudah cukup banyak diceritakan dalam pensejarahan negara kita. Pihak British juga telah melaksanakan banyak dasar dan undang-undang baharu yang janggal dan kadang kalanya bersifat tidak adil kepada rakyat tempatan. Kedatangan penjajah khususnya British ini telah banyak meningkatkan kesedaran rakyat tempatan mengenai hak mereka di tanah sendiri. Oleh hal

¹ Uqbah Iqbal et al., Sejarah Perkembangan Ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dan Sifat Ekonomi Masyarakat Melayu Era Pra- Kolonial, *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 3(2), 2015: 95 – 119, hlm.3.

² Yahaya Abu Bakar, Catatan Mengenai Hubungan Awal Portugal-Melaka, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 10, 1995, hlm.229.

yang demikian, penentangan terhadap penjajah telah dilakukan oleh rakyat sebagai satu bentuk reaksi kepada para penjajah khususnya British. Terdapat ramai tokoh yang lahir ekoran daripada penentangan ini seperti Dato' Bahaman, Datuk Maharaja Lela, Tok Janggut, Mat Kilau dan sebagainya.³ Penentangan yang mereka lakukan telah menjadi pemangkin kepada lahirnya semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat tempatan. Hal ini telah menyebabkan mereka menjadi pelopor kepada lahirnya lebih ramai tokoh lahir khususnya semasa pendudukan Jepun di mana usaha kemerdekaan menjadi fokus utama ketika itu.

Mat Kilau merupakan seorang pejuang anti penjajah British di Tanah Melayu khususnya di negeri Pahang menjelang akhir abad ke-19. Beliau merupakan antara tokoh pejuang yang berani mati dalam mempertahankan Pahang ketika dijajah oleh British. Dasar-dasar yang British laksanakan ketika itu jelas bertentangan dengan undang-undang dan dasar yang rakyat lakukan ketika itu. Terdapat juga pelaksanaan dasar yang telah melanggar agama Islam dan hak-hak rakyat Melayu sendiri. Oleh hal yang demikian, Mat Kilau telah mengambil langkah untuk melakukan penentangan atas nama jihad dan membela nasib rakyat dan agama di negeri Pahang walaupun mendapat banyak dugaan dan cabaran sehingga terpaksa bersembunyi dan melarikan diri kerana diugut dan ingin bunuh oleh pihak British.

1.2 Permasalahan Kajian

Dalam menelusuri kehidupan yang kian serba moden dan canggih ini, kita dipermudahkan dengan penggunaan teknologi dan maklumat juga kini hanya diujung jari sahaja. Namun begitu, jika berbicara tentang sejarah negara khususnya perjuangan tokoh tempatan, kita dapati anak muda khususnya kurang minat dan memandang enteng perkara ini sedangkan perkara ini merupakan sejarah yang cukup mendalam dan bermakna untuk diingati setiap rakyat. Hal ini kerana ramai individu dan masyarakat yang sanggup berjuang hingga ke nafas yang terakhir dalam usaha membebaskan tanah air daripada terus dijajah.

Sejarah penentangan British yang berlaku di Malaysia sama ada di Tanah Melayu mahupun Borneo sendiri masih diselubungi oleh kisah silam yang sukar untuk dijelaskan. Salah satunya ialah mengenai tokoh pejuang iaitu Mat Kilau. Berdasarkan pernyataan yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa pernyataan masalah yang dibentuk dalam menjalankan kajian. Pernyataan masalah yang pertama ialah apakah latar belakang Mat

³ Siti Mariam Daud Dan Sulaiman Zakarian, *Tokoh-Tokoh Pahlawan*, Kuala Lumpur : Jade Green Publications, 1996, hlm.1.

Kilau. Kajian yang teliti perlu dilakukan berkaitan dengan latar belakang beliau kerana masih ramai yang kurang mengenali bahkan ada yang masih tidak mengenali figura hebat ini.

Pernyataan masalah yang seterusnya ialah mengenai sejauh manakah perjuangan yang telah beliau lakukan dalam menentang pihak British di Pahang. Perjuangan-perjuangan yang telah beliau dilakukan perlu dibincangkan secara mendalam bagi mengingatkan dan mengambil iktibar kepada perjuangan pembelaan nasib rakyat terhadap penindasan penjajah.

Pernyataan masalah yang terakhir ialah adakah isu-isu yang berkaitan dengan kemunculan semula Mat Kilau sehingga beliau meninggal dunia. Mat Kilau telah dikatakan hilang dalam arena penentangan ke atas British di Pahang malah dikatakan telah meninggal dunia ketika itu. Akan tetapi beliau telah muncul semula selepas kemerdekaan negara. Oleh hal yang demikian, penelitian terhadap perkara ini perlu dilakukan agar perkara sebenar terhadap misteri kehilangan Mat Kilau dapat dibongkar.

1. Apakah latar belakang Mat Kilau.
2. Sejauh manakah perjuangan yang telah beliau lakukan dalam menentang pihak British di Pahang.
3. Adakah isu-isu yang berkaitan dengan kemunculan semula Mat Kilau sehingga beliau meninggal dunia.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu dengan mengenal pasti latar belakang Mat Kilau yang merupakan salah seorang individu dalam perjuangan rakyat semasa zaman penjajahan di Tanah Melayu. Selain itu, objektif kedua pula ialah mengkaji tentang perjuangan Mat Kilau hingga beliau dikatakan telah terkorban dalam penentangan British di Pahang. Objektif yang terakhir pula membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan kemunculan semula Mat Kilau sehingga beliau meninggal dunia.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti latar belakang Mat Kilau yang merupakan salah seorang tokoh dalam pensejarahan Tanah Melayu. Hal ini perlu dikaji kerana masih terdapat rakyat yang kurang malah bahkan tidak mengenali figura yang berjasa ini.

Bukan itu sahaja, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menganalisis perjuangan –perjuangan Mat Kilau sepanjang beliau hidup. Perkara ini ingin dianalisis agar setiap perjuangan dan tindakan yang dilakukan oleh Mat Kilau dapat dibongkarkan kepada semua. Kehilangan Mat Kilau secara tiba-tiba telah menyebabkan terdapat masyarakat yang tidak sedar akan kewujudan beliau dan perjuangan jasa yang beliau telah lakukan dalam usaha menentang penjajah. Oleh hal yang demikian, adalah amat perlu bagi setiap perjuangan yang telah beliau lakukan dianalisis secara lebih mendalam agar membuka mata masyarakat mengenai perjuangan yang beliau lakukan. Perjuangan tersebut sudah pastinya merupakan satu bentuk jihad dalam usaha menentang penjajah kerana ianya melibatkan hidup dan juga mati beliau sendiri. Akan tetapi, beliau rela berkorban dalam menentang penjajah sepanjang beliau masih berdaya.

Seterusnya, kajian yang dilakukan ini pastikan dapat menyedarkan masyarakat Malaysia tentang kepentingan memahami dan mengambil berat mengenai perjuangan tokoh tempatan dalam menentang penjajah seterusnya membawa kepada lahirnya nasionalisme dalam kalangan rakyat. Tanpa menganalisis dan mengambil tahu mengenai kehilangan beliau, sudah tentu masyarakat akan kurang terdedah kepada sejarah perjuangan Mat Kilau ini dan kisah perjuangan beliau pasti akan terkubur begitu sahaja tanpa dibongkarkan kepada sejarah negara.

Oleh hal yang demikian, penulis melakukan penulisan ini dengan rasa tanggungjawab sebagai langkah memelihara sejarah negara agar tidak terlupakan masyarakat khususnya golongan muda yang merupakan tunjang bagi sebuah negara bangsa dan seterusnya menghargai segala hasil usaha tokoh-tokoh dalam membela nasib rakyat suatu ketika dahulu ketika dijajah oleh kuasa asing.

1.5 Sorotan Literatur

Mat Kilau yang merupakan salah seorang tokoh dalam pensejarahan Tanah Melayu sepanjang kehidupan beliau dari tahun 1866- 1970. Terdapat beberapa tema yang akan dibincangkan dalam bahagian sorotan literatur ini.

1.5.1 Sejarah Penentangan British Di Tanah Melayu

Sepanjang melakukan penyelidikan ke atas tajuk ini, pengkaji mendapati bahawa kurangnya bahan penulisan dan bahan kajian yang membicarakan mengenai tajuk Mat Kilau ini. Adapun bahan ilmiah yang membicarakan mengenai tokoh lain secara terperinci namun cuma meletakkan tokoh ini sebagai sokongan ke atas kajian yang mereka lakukan seperti tokoh Dato Bahaman yang turut mempunyai perkaitan dengan Mat Kilau. Walaupun begitu, hal ini menjadi titik tolak kepada pengkaji untuk mengkaji hal ini dan seterusnya menambahkan bahan ilmiah yang membicarakan mengenai Mat Kilau dalam pensejarahan Malaysia.

Antara kajian-kajian lepas yang membincangkan mengenai sejarah penentangan British di Tanah Melayu ialah penulisan daripada Abdullah Zakaria Ghazali (2012) yang bertajuk "Persekutuan Tanah Melayu merdeka, 31 Ogos 1957: Liku Dan Jejak Perjuangan Patriot Dan Nasionalis Menentang British" , di mana beliau telah menulis bahawa pendudukan British secara tidak sah pada tahun 1786 di Pulau Pinang telah ditentang secara total oleh Sultan Abdullah Kedah. Di mana tentera-tentera telah baginda kumpulkan di Seberang Perai untuk membuat serangan terhadap pihak British di Pulau Pinang. Walaupun begitu, angkatan tentera Sultan Abdullah Kedah telah ditumpaskan oleh pihak British yang terlebih dahulu bertindak menyerang mereka. Disebabkan oleh hal itu, kekuasaan British perlu diakui di Pulau Pinang selepas Kedah menandatangani perjanjian 1791.⁴

Selain itu, terdapat juga petikan dalam akhbar Berita Harian pada Rabu, 15 Ogos 2007 koleksi Dewan Bahasa Pustaka (DBP) yang menyatakan bahawa penjajahan British di Tanah Melayu menyaksikan beberapa fasa penentangan. Penentangan tersebut bermula seawal pendudukan British di Pulau Pinang oleh Sultan Kedah pada tahun 1791 sehinggalah berlakunya beberapa penentangan oleh pembesar dan penghulu seperti Dol Said di Negeri Sembilan, Raja Mahadi di Selangor, Dato' Bahaman, Tok Gajah serta Mat Kilau di Pahang.⁵

⁴ Abdullah Zakaria Ghazali, *Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, 31 Ogos 1957: Liku Dan Jejak Perjuangan Patriot Dan Nasionalis Menentang British* , Jabatan Sejarah. Kuala Lumpur, 2012, hlm.6.

⁵ Berita Harian, *Penjajahan British dan Perjuangan Kemerdekaan*, 15 Ogos 2007, Dipetik daripada <http://www.dbp.gov.my/Klikdbp/Klikdbp5ogos7.Pdf> diakses pada 28 Mei 2021.

Penulis seterusnya yang menyatakan tentang penentangan masyarakat terhadap British ialah Abdullah Zakaria (1984) dalam penulisannya iaitu beliau menyatakan bahawa British telah menjajah untuk mengeksploitasi ekonomi di seluruh Asia Tenggara serta ingin menguasai seluruh tanah jajahan di Asia Tenggara. Proses ini adalah persaingan antara negara-negara barat dalam mengejar Imperialisme. Disebabkan oleh hal tersebut, dapat dilihat bagaimana ketika awal-awal penjajahan British di Tanah Melayu, mereka sangat menumpukan kepada ekonomi khususnya kawasan pelabuhan dan seterusnya menumpukan ke atas negeri yang kaya dengan hasil bumi. Pihak British juga dilihat melakukan dasar diplomasi secara sangat berhati-hati ke atas Sultan dan juga pembesar-pembesar Melayu. Namun begitu, hakikatnya mereka sering menggunakan kaedah diplomasi kapal perang atau cara ugutan dengan mana-mana pemerintah di Tanah Melayu.⁶

Selain itu, Abdullah Zakaria (1977) turut menulis tentang isu ini dengan mengatakan bahawa kebangkitan gerakan anti British ini telah bermula di Nanning di antara tahun 1830-1833 yang diketuai oleh Penghulu Dol Said. Walaupun perjuangan di Nanning lebih merupakan untuk mempertahankan hak-hak keistimewaan tradisional, tetapi ia merupakan satu perjuangan menentang penjajah British⁷ dalam penulisannya yang bertajuk.

Akhir sekali, penulisan yang membicarakan mengenai penentangan terhadap British di Tanah Melayu ini telah dibincangkan oleh Siti Mariam Daud dan Sulaiman Zakarian (1996) dalam penulisannya iaitu Tokoh-Tokoh Pahlawan. Mereka mengatakan bahawa Datuk Bahaman telah melarikan diri dari Pulau Tawar dan masuk ke dalam hutan. Walaupun begitu beliau tetap meneruskan niat beliau untuk terus menentang pihak British. Beliau juga telah melakukan cara menghalang banci penduduk yang dilakukan oleh British di Pahang pada 1891 dalam usaha membuat undang-undang dan dasar baharu di Pahang. Beliau juga terus menerus melakukan pelanggaran terhadap dasar dan undang-undang baharu British tersebut.⁸

⁶ Kassim Thukiman, *Malaysia: Perspektif Sejarah dan Politik*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2002, hlm.73.

⁷ Ibid., hlm 84.

⁸ Siti Mariam Daud Dan Sulaiman Zakarian, Tokoh-Tokoh Pahlawan. Kuala Lumpur : Jade Green Publications, 1996, hlm.11.

1.5.2 Biografi Dan Latar Belakang Mat Kilau

Sorotan literatur seterusnya yang akan dikaji ialah mengenai biografi dan latar belakang Mat Kilau. Antara kajian yang telah membahaskan mengenai biografi dan latar belakang Mat Kilau ini ialah penulisan daripada Abdul Latip Talib (2009). Beliau menyatakan bahawa Nama sebenar Muhammad bin Imam Rasu bin Sharon, juga dikenali dengan nama Mat Kilau. Dia Lahir pada hari Jumaat, 26 Disember 1969 di Masjid Pulau Tawar dalam buku beliau iaitu "Mat Kilau Pahlawan Pahang".⁹ Penulis juga menceritakan serba sedikit mengenai latar belakang Mat Kilau iaitu Mat Kilau dilahirkan pada 1847 dan beliau dibesarkan dengan didikan agama oleh kedua ibu bapa nya iaitu Imam Rasu bin Shahrum dan ibunya Teh Mahada binti Tuk Kaut yang merupakan isteri ketiga daripada ayah beliau. Ayah Mat Kilau juga merupakan seorang tokoh pahlawan Pahang yang lebih dikenali sebagai dengan gelaran Tuk Gajah. Mat Kilau dibekalkan dengan ilmu agama yang baik sehinggakan beliau juga berguru dengan Mufti Negeri Pahang iaitu Haji Muntuk. Mat Kilau mempunyai 4 orang isteri dan memperolehi 4 orang cahaya mata bersama isteri yang pertama. Walaubagaimanapun 2 daripada cahaya mata mereka telah pun meninggal dunia. Manakala beliau mengahwini isteri beliau yang kedua pula ketika beliau melarikan diri ke Kelantan.¹⁰

Bakar Ya'akub (1970) juga telah memperkenalkan serba sedikit mengenai biodata dan Latar Belakang Mat Kilau iaitu Mat Kilau bin Imam Rasu sebelum menukar namanya kepada Mohamed bin Ibrahim dengan nama gelaran Mat Siam, 1866 – 16 Ogos 1970). Beliau merupakan seorang pahlawan Melayu yang berjuang menentang penjajah British di Pahang. Ibu beliau ialah Mahda iaitu anak kepada Tok Kaut Burau. Mat Kilau dipercayai lahir dalam kira-kira tahun 1865–1867 di Kampung Masjid, Pulau Tawar, Jerantut, Pahang.¹¹

Terdapat juga serba sedikit pengenalan daripada anak Mat Kilau sendiri iaitu Abu Bakar yang dicatatkan dalam akhbar Berita Harian, 29 Disember 1969 dengan tajuk "Akuan 'Mat Kilau' di masjid Ahli2 sejarah berpendapat Mat Kilau meninggal" yang ditulis oleh Abu Bakar Ya'akub. Anaknyanya menyatakan bahawa ayahnya Mat Kilau seorang yang pemarah dan gemar memakai pakaian satu warna sahaja. Ayahnya tidak suka bercakap dan lebih banyak sembahyang serta berdoa. Ayahnya mempunyai tahi lalat besar di bahagian pipi kanan dan juga tahi lalat panjang di bahagian bahu kiri. Bukan itu sahaja terdapat juga kesan parut

⁹ Abdul Latip Talib, *Mat Kilau Pahlawan Pahang*, Kuala Lumpur : Pts Litera Utama Sdn. Bhd., 2019, hlm.ix.

¹⁰ Ibid., hlm. xi.

¹¹ Bakar Ya'akub , *Beribu Tiba Ziarah Jenazah Mat Kilau*, Berita Harian Singapura, 17 Ogos 1970, dipetik daripada <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/beritaharian19700817-1.2.36> diakses pada 21 Mei 2021.

akibat daripada tembakan.¹² Tahi lalat ini merupakan identiti utama Mat Kilau yang dikenali sebagai tokoh pahlawan.

1.5.3 Perjuangan Mat Kilau

Dalam penulisan kajian ini, perjuangan Mat Kilau juga merupakan topik utama yang akan dibincangkan oleh pengkaji. Oleh hal yang demikian, sorotan literatur terhadap perkara ini akan dilakukan oleh pengkaji. Antara penulis yang membincangkan tentang hal ini ialah Dr. J. Chandran (1894) dalam buku beliau iaitu "Jatuhnya Kubu Jeram Ampai Pada 1894: Suatu Peristiwa Penting Dalam Sejarah Pahang" . Beliau telah menyatakan bahawa dalam peristiwa Jeram Ampai terdapat beberapa perkara yang menarik yang telah berlaku. Antaranya pahlawan-pahlawan Melayu berjaya melepaskan dan membebaskan diri mereka dengan sangat mudah daripada pihak lawan yang kuat dan bersenjata lengkap. Terdapat beberapa kesan terhadap peristiwa Jeram Ampai ini. Contohnya ialah Tok Gajah telah bertolak ke hulu sehari sebelum berlakunya serangan pihak British. Hal ini baru diketahui oleh British selepas sahaja mereka telah berjaya dalam menguasai kubu Jeram Ampai tersebut. Bukan itu sahaja, Dato Bahaman juga telah turut serta mengikuti Tok Gajah bertolak pada 29 hari bulan iaitu pada waktu yang sama juga. Ketika serangan itu sedang berlaku hanya ketua pasukan yang terkenal seperti Mat Kilau, Awang Nong dan Teh Ibrahim yang masih kekal di Jeram Ampai tersebut.¹³

Penulisan daripada Dr.J.Chandran ini turut disokong oleh pernyataan Clifford (1961) dimana beliau menyatakan bahawa :

*"Dato Bahaman, along with Mat Kilau, Teh Ibrahim, and Awang Nong, launched an attack on Kuala Tembeling and successfully captured the Jeram Ampai fortress at the end of 1894. This success, however, did not last, as the British team was successful in resigning them. They cross the border between Kelantan and Terengganu once more. British troops led by Hugh Clifford tracked the movements of Pahang fighters in Kelantan and Terengganu, but failed due to lack of cooperation from locals."*¹⁴

¹² Berita Harian, *Akuan 'Mat Kilau' Di-Masjid Ahli2 Sejarah Berpendapat Mat Kilau Meninggal*, 29 Disember 1969, dipetik daripada <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/beritaharian19691229-1.2.2> diakses pada 21 Mei 2021.

¹³ Dr. J. Chandran, *Jatuhnya Kubu Jeram Ampai Pada 1894: Suatu Peristiwa Penting Dalam Sejarah Pahang*, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972, hlm.38.

¹⁴ Clifford, H., Expedition Totrengganu And Kelantan, *Journal Of The Malaysian Branch Of Asian Studies*, 34 (1h), 1961, 1-62.

Jika teks ini diterjemahkan ianya lebih kurang sama dengan pernyataan yang dinyatakan oleh Dr. J . Chandran di mana teks ini mengatakan pada penghujung 1894, Dato Bahaman bersama Mat Kilau, Teh Ibrahim dan Awang Nong telah melancarkan serangan ke atas Kuala Tembeling dan berjaya menawan kubu Jeram Ampai. Walau bagaimanapun, kejayaan ini tidak bertahan lama, kerana pasukan British berjaya meletakkan jawatan mereka. Sekali lagi, mereka telah masuk ke sempadan Kelantan dan Terengganu. Gerakan mengesan pejuang Pahang turut dilakukan oleh tentera British di bawah Hugh Clifford ke Kelantan dan Terengganu. Walaubagaimanapun gerakan tersebut menemui kegagalan kerana mereka tidak mendapat kerjasama daripada penduduk tempatan.

Terdapat juga pernyataan lain yang dibuat oleh Dr. J. Chandran (1894) iaitu beliau menyatakan bahawa ketika 14 Jun 1894 iaitu pada waktu subuh telah berlakunya pertempuran di antara British dan juga pahlawan Melayu apabila berlakunya serangan hebat yang telah dilancarkan sendiri oleh Dato Bahaman bersama-sama pengikutnya yang berjumlah lebih kurang dalam 200 orang. Dalam jumlah 200 orang ini juga terdapat beberapa tokoh masyhur seperti Mat Kilau, Teh Ibrahim dan Awang Nong.¹⁵

Terdapat juga beberapa kumpulan penulis yang turut menghasilkan penulisan mengenai perjuangan Mat Kilau ini iaitu Ahmad Farid Abd Jalal, Abdullah Yusuf, Ahmad Faisal Abd Hamid, Rahimin Affandi Abd Rahim (2019) dalam Jurnal "*Jurnal Pembangunan Sosial Muzium Masjid Sultan Abdullah Pekan*". Mereka menyatakan bahawa Mat Kilau telah mendapat sokongan serta bantuan di Kuala Terengganu iaitu daripada Saiyid Abdul Rahman. Di mana beliau telah dinasihatkan agar tidak berserah dan mengaku kalah serta tidak lupa agar terus meneruskan perjuangan yang telah beliau lakukan. Hal ini kerana perjuangan tersebut disifatkan sebagai sebuah perjuangan Fisabilillah iaitu perjuangan berbentuk syahid dalam menentang British. Jika dilihat dalam pensejarahan khususnya, perjuangan Mat Kilau dalam mempertahankan dan memperjuangkan agama Islam di Pahang kurang diketengahkan ahli sejarawan khususnya sejarawan tanah air kita. Mat Kilau juga telah terbukti merupakan seorang yang mempunyai ilmu agama yang tinggi serta bersifat kepahlawanan dengan peribadi yang berpekerti mulia.¹⁶

¹⁵ Dr. J. Chandran, Op.cit., hlm. 32.

¹⁶ Ahmad Farid et al., Muzium Masjid Sultan Abdullah Pekan Pahang Dan Usaha Memperkasakan Pemikiran Islam Di Malaysia, *Jurnal Pembangunan Sosial, Vol.2 (1)*, 2019, hlm.140.

1.5.4 Isu Kemunculan Semula Mat Kilau Sehingga Beliau Meninggal Dunia

Sorotan literatur terhadap objektif seterusnya akan dilakukan iaitu mengenai isu kemunculan Mat Kilau sehinggalah beliau meninggal dunia. Jang Aisjah Muttalib (1972) menyatakan dalam penulisan beliau bahawa angkatan Pahang di bawah pimpinan Bahaman, Mat Kilau dan Tok Gajah telah berundur ke Kelantan serta Terengganu. Melalui tindakan pengunduran ini, maka tamatlah perjuangan mereka apabila meninggalnya Tok Gajah di Terengganu. Setelah itu Mat Kilau pula berlindung di Kelantan manakala Dato Bahaman telah dilarikan ke Thailand. Setelah itu mereka dilabelkan sebagai pemberontak dan penderhaka oleh pihak British.¹⁷

Dalam buku Mat Kilau hasil nukilan Abdul Latip Talib (2009) juga menyatakan bahawa Mat Kilau telah meninggal dunia pada usia 123 tahun akibat daripada penyakit tua pada 16 Ogos 1970 di Kampung Batu Lima, Jalan Gambang. Jenazah beliau dikebumikan bersebelahan dengan kubur ibunya di Pulau Tawar. Sebelum meninggal dunia beliau sempat mengisytiharkan diri beliau sebagai Mat Kilau pada usia 122 tahun di Masjid Pulau Tawar selepas sekian lama lari daripada pemburuan pihak British.¹⁸

Dalam penulisan buku tersebut, terdapat petikan daripada Tun Abdul Razak iaitu Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1970. Dimana beliau mengatakan bahawa berita yang mengatakan bahawa Mat Siam merupakan Mat Kilau adalah perkara yang benar. Beliau mengatakan bahawa Mat Siam telah menghilangkan diri ketika zaman penjajahan dan adalah perkara yang baik sekiranya beliau ditemui semula oleh ahli sejarawan dan mendapatkan kebenaran cerita daripada Mat Kilau sendiri.¹⁹

Isu kemunculan dan kematian Mat Kilau ini turut dibincangkan dalam akhbar *The Star* dengan tajuk Mat Kilau, "*The Malay Warrior*" pada 29 Januari 2007. Dalam akhbar ini menyatakan bahawa Mat Kilau menyembunyikan identitinya walaupun selepas 12 tahun kemerdekaan kerana masih takut Sultan tidak memaafkan beliau. Setelah bertahun-tahun melarikan diri, dia kembali ke Pahang dan menetap di Kampung Batu 5, Gambang, Kuantan, dengan nama Mohamed bin Ibrahim @ Mat Siam. Identiti sebenar Mat Kilau hanya muncul ketika dia membuat pengisytiharan selepas solat Jumaat di masjid Pulau Tawar di Jerantut pada 26 Disember 1969. Setelah berbulan-bulan melakukan penyelidikan dan siasatan, kerajaan negeri Pahang akhirnya mengesahkan bahawa dia memang Mat Kilau. Malangnya

¹⁷ Jang Aisjah Muttalib, *Pemberontakan Pahang 1891-1895*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1972, hlm. 164.

¹⁸ Abdul Latip Talib, *Op.cit.*, hlm. xi.

¹⁹ *Ibid.*, hlm. xiv.

10 hari selepas pengesahan itu, Mat Kilau meninggal dunia pada 16 Ogos 1970, di rumahnya di Kampung Batu 5. Dia dikatakan meninggal dunia pada usia 122 tahun berdasarkan anggaran tahun kelahirannya pada tahun 1847. Dia dimakamkan dengan penuh penghormatan sesuai dengan pahlawan negara di tempat kelahirannya, Kampung Masjid Pulau Tawar, Jerantut.²⁰

1.6 Kaedah Kajian

Bahagian ini membincangkan mengenai kaedah kajian yang akan dilakukan sepanjang kajian dijalankan. Antara kaedah kajian yang digunakan ialah bersifat kualitatif, di mana kaedah ini dilakukan tanpa melakukan pengujian hipotesis ataupun juga disebut sebagai pengujian andaian. Pengkaji akan menggunakan data-data empirikal yang diperolehi daripada sumber-sumber bertulis dan juga bentuk lisan. Bukan itu sahaja, pengkaji juga akan mendapatkan sumber-sumber kajian daripada arkib dan perpustakaan serta melalui capaian Internet. Capaian Internet tersebut dilakukan ke atas pangkalan data atas talian dan juga enjin carian bacaan seperti JSTOR, Google Scholar, Britanica Academic, PDF Drive, SpringerLink dan lain-lain.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian ialah batasan kajian yang menjelaskan mengenai batasan atau had kajian. Dalam pelaksanaan kajian ini, pengkaji telah menggariskan beberapa batasan kajian kepada beberapa perkara tertentu agar skop kajian tidak terlalu luas. Skop bidang kajian yang dilakukan ialah sejarah tempatan dengan fokus kepada tokoh pejuang yang dipilih iaitu Mat Kilau. Aspek yang akan dikaji ialah berkaitan dengan perjuangan beliau dan juga isu kemunculan semula Mat Kilau setelah misteri kehilangannya dari kota asalnya bermula dari tahun 1866 sehingga tahun 1970.

1.8 Struktur Pembahagian Kajian

Bab 1, Dalam bab ini pengkaji akan memberikan serba sedikit penerangan mengenai bahagian pengenalan. Bahagian ini membincangkan mengenai tajuk kertas kajian yang

²⁰ Tuan Sharifah Shahani dan Mohd Shukri Ishak, *Mat Kilau, The Malay Warrior*, The Star, 29 Januari 2007 dipetik daripada <https://www.thestar.com.my/news/community/2007/01/29/mat-kilau-the-malay-warrior> diakses Pada 24 Mei 2021.

akan dikaji, penerangan terhadap objektif kajian secara lebih jelas. Bukan itu sahaja, kepentingan hasil kajian, kaedah kajian, skop kajian, juga dibincangkan secara menyeluruh bagi menjamin kelancaran idea dan maklumat yang akan disampaikan sepanjang kajian dilaksanakan.

Bab 2, bab ini akan membincangkan mengenai latar belakang MK seperti salasilah keturunan dan biodata latar belakang Mat Kilau dengan lebih dekat. Hal ini bertujuan untuk memperkenalkan tokoh ini kepada pembaca agar pembaca lebih mengenali dengan lebih dekat mengenai tokoh yang akan dibincangkan secara keseluruhan dalam bab ini.

Bab 3, bab ini akan menerangkan mengenai tentang perjuangan Mat Kilau hingga beliau dikatakan telah terkorban dalam penentangan British di Pahang. Perjuangan-perjuangan Mat Kilau akan dikupaskan satu per satu sehinggalah beliau melarikan diri ketika diburu dan ingin dibunuh pihak British.

Bab 4, bab ini akan pula membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan kemunculan semula Mat Kilau sehingga beliau meninggal dunia. Di mana Mat Kilau telah muncul semula selepas kemerdekaan dan juga mengenai namanya yang telah ditukarkan kepada Mat Siam bagi mengelak daripada menjadi buruan semula British selepas beliau melarikan diri.

Bab 5, bab ini akan menjelaskan serba sedikit mengenai kesimpulan terhadap keseluruhan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji.

1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, perjuangan tokoh merupakan satu bentuk tindakan dalam membebaskan tanah air daripada serangan penjajah. Kesengsaraan dan penindasan yang dilakukan penjajah terhadap rakyat telah menyebabkan munculnya individu yang ingin berjuang atas nama pembelaan kepada rakyat dan masyarakat. Tidak dapat dinafikan lagi, bahawa kesengsaraan tersebut telah banyak meninggalkan kesan yang amat mendalam kepada diri mereka. Oleh hal demikian, perjuangan yang dilakukan tokoh-tokoh nasionalisme ini memberikan makna yang sangat besar kepada negara dalam membebaskan dan membela nasib bangsa di tanah air sendiri. Gerakan nasionalisme yang mulai muncul adalah salah satu impak positif daripada perjuangan tokoh di Tanah Melayu. Gerakan nasionalisme ini dapat dilihat sebagai satu tindakan untuk membela nasib bangsa dan negara yang telah ditindas oleh kuasa luar dengan tujuan imperialisme dan mengaut keuntungan negara sahaja.

BAB 2

LATAR BELAKANG MAT KILAU

2.1 Pengenalan

Mat Kilau merupakan antara salah seorang tokoh pahlawan negara yang tersohor khususnya di negeri Pahang. Beliau juga turut menyemarakkan perjuangan tanah air di negeri sekitar seperti Kelantan dan Terengganu. Beliau banyak melakukan pengorbanan dan perjuangan dalam membela nasib rakyat dan negara. Beliau sangat terkenal sebagai seorang pahlawan berani mati kerana pernah diburu oleh pihak penjajah kerana keberanian yang beliau tunjukkan semasa penentangan dilakukan. Ketokohan dan kepahlawanan beliau sangat disanjung oleh masyarakat khususnya masyarakat di negeri Pahang sehingga ke hari ini.

2.2 Asal-Usul Mat Kilau

Bakar Ya'akub (1970) juga telah memperkenalkan serba sedikit mengenai biodata dan latar Belakang Mat Kilau iaitu Mat Kilau bin Imam Rasu sebelum menukar namanya kepada Mohamed bin Ibrahim dengan nama gelaran Mat Siam, 1866 – 16 Ogos 1970). Beliau dilahirkan pada tahun 1847. Keadaan ini berdasarkan daripada pengakuan beliau semasa mengisytiharkan dirinya sebagai Mat Kilau pada hari Jumaat, 26 Disember 1969 di Masjid Pulau Tawar. Dengan itu juga beliau mengatakan usianya pada masa itu pada 122 tahun. Beliau merupakan seorang pahlawan Melayu yang berjuang menentang penjajah British di Pahang. Ibu beliau ialah Mahda iaitu anak kepada Tok Kaut Burau. Mat Kilau dipercayai lahir dalam kira-kira tahun 1865–1867 di Kampung Masjid, Pulau Tawar, Jerantut, Pahang.²¹

²¹ Bakar Ya'akub , Beribu Tiba Ziarahi Jenazah Mat Kilau, Berita Harian Singapura, 17 Ogos 1970, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/beritaharian19700817-1.2.36> diakses pada 21 Mei 2021.



Foto 2.1 : Wajah Mat Kilau

Sumber : Berita Harian